

AURAT DALAM MASYARAKAT

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ
سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا
عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ
وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketaqwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah serta menjauhi semua larangan-Nya. Mudah-mudahan kita mendapat keampunan dan beroleh kebahagiaan di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Sesungguhnya antara tanggungjawab yang sangat dititiberatkan dalam Islam adalah berkaitan dengan aurat. Suami yang baik dan beriman akan memastikan dirinya, isteri dan anak-anak agar terpelihara aurat mereka. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Nur ayat 31:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا
وَلْيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ...

Yang bermaksud: “Dan katakanlah kepada wanita-wanita yang beriman supaya menahan pandangan mereka dan memelihara kehormatan mereka (daripada perkara yang haram) dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya (wajah dan kedua-dua tapak tangan) dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka...

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Ayat yang dibacakan tadi adalah hukum wajib menutup aurat yang diperintahkan oleh Allah Subhanahu wa Taala. Ingatlah! Maruah wanita Islam akan tercalar dan terhina sekiranya mereka mempamerkan aurat kepada kaum lelaki yang bukan mahramnya semata-mata untuk menarik perhatian mereka. Begitu juga pada lelaki muslim contohnya memakai seluar pendek sehingga mendedahkan lutut, akan dilihat tercalar imej dan tidak beradab menurut kehendak Islam. Ada yang solat tetapi cawat dan auratnya terdedah. Di manakah maruah mereka yang sepatutnya dimuliakan oleh syarak tetapi mereka tidak mengambil berat terhadap perintah Allah Taala.

Sesungguhnya syariat Islam meletakkan wanita pada tahap yang paling tinggi dalam sejarah peradaban manusia. Wanita sangat indah kejadiannya, maka bagi wanita Islam, mereka seumpama berlian yang amat tinggi nilainya yang dijaga dengan baik dan sempurna dan bukan batu-batan yang senang didapati dengan mudah.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Ketahuilah menutup aurat adalah kewajipan agama bagi lelaki dan wanita Islam sama ada berhati baik atau sebaliknya. Sabda Rasulullah Sallallahu-alaihi-wassalam dalam hadis riwayat Imam Muslim :

وَنِسَاءٌ كَأَسِيَّاتٍ عَارِيَّاتٍ مُمِيلَاتٍ مَا بَلَّاتِ رُءُوسُهُنَّ كَأَسْنِمَةِ الْبُخْتِ الْمَائِلَةِ لَا يَدْخُلْنَ
الْجَنَّةَ وَلَا يَجِدْنَ رِيحَهَا وَإِنَّ رِيحَهَا لَيُوجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ كَذَا وَكَذَا

Yang bermaksud: *wanita yang berpakaian tetapi seolah-olah bertelanjang berjalan dengan gaya melenggang- lenggok, rambut mereka seperti bonggol unta, mereka tidak masuk syurga serta tidak mencium baunya, sedangkan bau syurga itu boleh dihidu sejauh sekian sekian.*

Hadis yang dibacakan tadi jelas menerangkan bahawa apa yang kita lihat pada hari ini, sebahagian besar wanita berpakaian tetapi terlalu ketat dan jarang sehingga menampakkan bahagian dada dan susuk badan mereka seolah-olah tidak berpakaian. Begitu juga ada wanita yang bertudung tetapi kedua lengannya terdedah dan seluar yang dipakainya terlalu ketat. Wanita yang seperti ini tidak akan mencium bau syurga sekiranya ia beriktikad menghalalkan perbuatan yang dilarang oleh Allah Subhanahu wa Taala.

Contoh yang lain, kita ada mendengar sebahagian masyarakat hari ini mengatakan tidak mengapa jika tidak pakai tudung asalkan hati suci berbanding dengan orang yang bertudung tetapi hatinya tidak baik atau pun mempertikaikan perintah menutup aurat kerana beranggapan ia adalah hak individu. Sesungguhnya kata-kata inilah yang menyebabkan wanita tidak masuk syurga sebagaimana hadis yang dibacakan tadi kerana mereka menghalalkan apa yang telah diharamkan oleh Allah Subhanahu wa Taala.

Sekiranya ia tidak beriktikad menghalalkan perbuatan itu maka ia telah melakukan satu dosa yang wajib bertaubat dan hendaklah ia berpakaian menutup aurat yang sempurna mengikut syarak.

Marilah kita bersama-sama menjaga ahli keluarga kita daripada menjadi golongan yang mengabaikan perintah Allah Subhanahu wa Taala dalam segala hal khususnya menutup aurat. Mudah-mudahan dengan menutup aurat menjadikan keluarga kita terpelihara daripada segala gangguan dan menyelamatkan masyarakat daripada perbuatan yang boleh mencabul kehormatan wanita atau gangguan seksual seperti zina, rogol dan sebagainya, sebagaimana firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Ahzab ayat 59:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُلْ لِأَزْوَاجِكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءِ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ

جَلْبَابِهِنَّ^ج ذَلِكَ أَدْنَىٰ أَنْ يُعْرَفْنَ فَلَا يُؤْذَيْنَ^ف وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَحِيمًا

Yang bermaksud: *Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta wanita-wanita yang beriman, supaya melabuhkan jilbab mereka bagi menutup seluruh tubuh mereka (semasa mereka keluar). Cara yang demikian lebih mudah untuk mereka dikenali (sebagai perempuan yang baik, maka dengan itu mereka tidak diganggu. (Ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang.*”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَتَفَعَّلِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.